

Selasa, 16 Jun 2020 | 4:47pm



Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar (kiri) melihat pekerja premis gunting rambut melakukan pembersihan ketika operasi pemantauan prosedur operasi standard (SOP) di premis perniagaan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP)- Foto NSTP/Danial Saad

## Gunting rambut di Pulau Pinang naik antara RM2 hingga RM3

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** Rata-rata premis dandan dan gunting rambut di Pulau Pinang dikesan menaikkan harga antara RM2 hingga RM3 ke atas perkhidmatan yang ditawarkan mereka.

Perkara itu diperhatikan melalui pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang diadakan sejak premis itu dibenarkan beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

Pengarah KPDNHEP negeri, Mohd Ridzuan Ab Ghapar, berkata kenaikan caj itu disebabkan peningkatan kos operasi yang terpaksa ditanggung seperti sarung tangan dan apron yang disyaratkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"KPDNHEP tidak mengawal caj bagi perkhidmatan dandanan dan gunting rambut namun peniaga wajib mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.

"Antara undang-undang yang perlu dipatuhi adalah memastikan penandaan caj perkhidmatan yang disediakan, memastikan tiada kenaikan caj perkhidmatan berlaku dengan niat mengambil keuntungan yang tidak munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pemeriksaan ke atas kedai gunting rambut dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP), di Pasaraya Tesco Alma, di sini, hari ini.

Jelasnya, sepanjang pemeriksaan yang diadakan pihaknya mengeluarkan 15 notis pengesahan maklumat perkhidmatan dan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Notis itu diberikan kepada pemilik premis gunting rambut untuk mereka mengemukakan apa perkhidmatan yang ditawarkan untuk melihat sama ada harga yang diletakkan bersesuaian atau tidak," katanya.

Sehingga kini, 34 premis dandanan dan gunting rambut di negeri ini diperiksa penguat kuasa KPDNHEP.

Sementara itu, Mohd Ridzuan berkata, KPDNHEP negeri mengeluarkan kompaun RM22,900 membabitkan 32 kes sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga Sabtu lalu.

Menurutnya, kompaun itu dikeluarkan atas pelbagai kesalahan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan, Akta Timbang Sukat dan Akta Perlindungan Pengguna.

"Sepanjang PKP hingga Sabtu lalu, penguat kuasa sudah memeriksa 5,504 premis membabitkan pasar raya, kedai runcit, pasar awam, pemberong, pengilang dan farmasi.

"Daripada semua pemeriksaan itu, kita mengeluarkan kompaun sebanyak 22,900 membabitkan 32 kesalahan yang dilakukan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/700968/gunting-rambut-di-pulau-pinang-naik-antara-rm2-hingga-rm3>